

14/11/1999

Barisan yakin rampas Kelantan

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) yakin dapat merampas balik Kelantan daripada Pas, berdasarkan persediaan lengkap yang dilakukan selama ini, kata Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, beberapa strategi lain akan turut disusun bagi memastikan lebih banyak kerusi dimenangi oleh BN. Bagaimanapun, beliau enggan mengumumkan strategi yang akan digunakan.

"Kita nampak peluang cerah di Kelantan sebab itu kita nak susun strategi yang boleh menentukan kita dapat kemenangan. Kita percaya kali ini (peluang) kita dapat kejayaan di Kelantan lebih daripada separuh.

"Seperti pilihan raya sebelum ini, kita akan bertanding setiap kerusi," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dengan Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, malam tadi.

Turut hadir Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah; Pengerusi BN Negeri, Datuk Annuar Musa; dan Menteri kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

Ditanya mengenai calon dan jawatan Menteri Besar, Dr Mahathir berkata perkara itu akan diumumkan kemudian.

Sementara itu, Tengku Razaleigh berkata Pas tidak ada isu untuk mengkritik Umno di Kelantan, sebaliknya kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat lebih banyak menimbulkan kebencian orang ramai kepada Pas.

"Apa yang dicakap Nik Aziz untuk memberi jawatan Perdana Menteri kepada Lim Kit Siang menimbulkan kemarahan orang ramai, bukan saja di Kelantan tetapi di seluruh negara, termasuk di kalangan pengikut Pas.

"Beliau tidak boleh nak berdolak-dalik lagi atau nak cuba perangkap Dr Mahathir kononnya kenyataan itu boleh mempercepatkan pembubaran Parlimen. Itu helah politik semata-mata," katanya.

Beliau juga berkata, Umno Kelantan akan menyerahkan senarai nama calon kepada Perdana Menteri dalam masa terdekat.

"Kita dah setuju untuk menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk buat keputusan dan siapa yang dipilih, kita akan sokong," katanya.

Ditanya sama ada akan ada calon dipindahkan daripada satu tempat ke tempat lain, beliau berkata calon dalam bahagian itu akan bertanding dalam bahagian itu juga.

"Tidak ada berlaku pertukaran kawasan. Setahu saya calon bahagian itu akan bertanding di situ," katanya.

Mengenai khabar angin beliau akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), Tengku Razaleigh berkata: "Saya tidak tahu ... saya serahkan kepada Perdana Menteri."

(END)